Tutup



# Guru, ibu bapa, pelajar hadapi tekanan, pensyarah kongsi jalan penyelesaian

26 Januari 2021 | ROSHLAWATY RAIEH



Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah seluruh negara berubah wajah daripada pengajaran secara bersemuka kepada pembelajaran secara maya.

Selaras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kebanyakan sekolah telah melaksanakan sesi pembelajaran secara dalam talian (online).

Walau bagaimanapun, pelbagai isu telah menghantui ketiga-tiga pihak sama ada warga pendidik, ibu bapa dan pelajar dalam pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran terbaru ini.

Tidak semua ibu bapa mampu menyediakan keperluan untuk kelas secara maya.

Terdapat ibu bapa yang mempunyai ramai anak dan terdiri daripada keluarga yang tidak berkemampuan.

Tambahan pula, segelintir ibu bapa perlu bekerja walaupun dalam PKP dan tidak dapat membantu anak-anak yang perlu bersekolah dari rumah.

Bagi guru-guru pula, variasi kemampuan setiap pelajar tidak memungkinkan pihak guru untuk memenuhi keperluan semua pihak.

Proses PdP secara maya memerlukan kemahiran dan pengetahuan teknologi dalam kalangan guru-guru

MESTI BACA

Cikgu Tan kongsi teknik TKS, menulis esei 'Pendahuluan' mantap subjek Bahasa Melayu SPM

Empat strategi skor A penulisan Bahasa Melayu SPM 2020...ini yang perlu pelajar lakukan

Enam doa ringkas boleh diamalkan untuk anak menghadapi peperiksaan

Guru Cemerlang kongsi tip Sejarah SPM 2020 - Kuasai Kertas 1, 2 dan 3 untuk dapat markah penuh

Kedudukan lencana sekolah dan tanda nama murid pada pakaian seragam sekolah

Newsletter

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi..

Langgan

VIDEO

Tidak dilupakan, guru juga adalah ibu bapa yang perlu memenuhi keperluan anak masing-masing.

Jujurnya, tidak semua pelajar mampu menyertai kelas yang dijalankan secara dalam talian disebabkan tiada capaian internet mahupun telefon pintar dan laptop.

Segelintir pelajar tinggal di luar bandar dan tidak memungkinkan mereka untuk mendapat akses internet.



Pelbagai isu yang timbul ini dapat memberi kesan stres terhadap ketiga-tiga pihak.

Sehinggakan pelbagai spekulasi timbul terutamanya daripada pihak pelajar dan ibu-bapa untuk menyatakan ketidakpuasan terhadap aplikasi pembelajaran secara dalam talian yang dijalankan.

Walaupun menghadapi tekanan dalam menjalankan pembelajaran online, semua pihak sebaiknya mencari solusi bukan saling menunding jari.

Kawalan emosi setiap orang amat penting untuk memastikan pelajar tidak tercicir daripada landasan pendidikan norma baharu.

Sudah pasti, pihak kerajaan juga mendengar rintihan rakyat dan akan bertindak untuk menyediakan kaedah PdP terbaik buat pelajar.

Untuk sementara ini, cikgu, ibu bapa dan pelajar sendiri perlulah mengawal emosi supaya tidak menghadapi stres.

## Mencari solusi

Antara beberapa pendekatan yang boleh diaplikasi adalah seperti mengadakan perbincangan secara maya antara ibu bapa dan guru untuk mengetahui keadaan sebenar pelajar dan ibu bapa.

Jika pembelajaran secara dalam talian tidak dapat diteruskan, pihak guru boleh menjalankan PdP secara luar talian dengan menggunakan beberapa medium yang ada seperti rakaman video, pemberian kerja rumah di dalam media sosial mahupun di sekolah dan sebagainya.

Keadaan ini bergantung kepada kemampuan pihak ibu bapa dan guru-guru untuk menyediakan keperluan tersebut.

Ibu bapa serta pendidik juga tidak boleh memandang enteng terhadap kemampuan pelajar.

Tidak dinafikan, kebanyakan pelajar hilang semangat terhadap pembelajaran.

Segelintir daripada mereka menghadapi stress kerana tidak dapat menjalankan aktiviti harian seperti biasa seperti bersukan dan bermain dengan rakan-rakan.

Terdapat juga pelajar yang lebih senior perlu menjaga adik-adik kerana ibu-bapa mereka perlu keluar bekerja.

Justeru, pihak ibu bapa perlu mengatur strategi dalam memberi kerjasama untuk memberikan yang terbaik buat anak-anak mereka.

Antara strateginya adalah dengan mengenal pasti jadual harian anak-anak dan jadual kerja ibu bapa supaya sepadan dengan keperluan pembelajaran setiap anak.

Ibu bapa juga boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk anak-anak bagi menarik minat untuk mereka belajar.

Jika ibu bapa tidak bekemampuan dari segi masa, ajarlah anak-anak untuk mengatur jadual mereka mengikut kemampuan.






ANGKASAWAN NEGARA KONGSI PENGALAMAN

GPSBestari
Like Page 163K likes

GPSBestari
4 hours ago

Inovasi bagi membantu kelancaran Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

#gpsbestari
#pendidikan



GPSBESTARI.COM
Guru ini perkenal inovasi Penggu…



Tweets about gpsbestari




BIASISWA





## Terapkan sifat sabar

Jadual yang teratur dan berdisiplin mampu menghindari stres.

Jika jadual pelajar penuh seharian, pelajar perlu menggunakan waktu istirehat sebaik mungkin untuk refleksi minda seperti mendengar muzik dan melakukan kegiatan sosial yang dibenarkan supaya emosi dapat dikawal sebaik mungkin.

Pembelajaran tambahan seperti di youtube dan video juga mampu membantu pelajar untuk meningkatkan kefahaman terhadap sesuatu topik.

Banyak sekali video pembelajaran menarik yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar bukan hanya bergantung kepada guru kelas semata-mata.



Secara tuntasnya, untuk mengatasi isu stress dalam kalangan guru, ibu bapa dan pelajar, setiap pihak perlu mengenal pasti masalah yang dihadapi, keperluan dan kemampuan masing-masing.

Terapkan sifat bersabar dalam apa jua keadaan, kerana sifat ini mampu menghindari anda daripada stres.

Belajar mengawal emosi dan carilah sokongan yang mampu membantu anda untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Berilah masa kepada kerajaan untuk sama-sama membantu rakyat dalam mewujudkan sebuah kaedah pembelajaran yang terbaik untuk generasi norma baharu.

Ingatlah, semua orang inginkan yang terbaik buat anak-anak peneraju negara masa hadapan.

Oleh itu, ibu bapa dan guru-guru perlu berganding bahu membantu anak-anak ini, mencari solusi bukan saling menuding jari.





*****Terima kasih Pensyarah Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan, Nurul Hafizah Mohd Yasin atas perkongsian ini.

## Artikel menarik


Coretan kapur Cikgu Aiman buat ramai murid sebak, tak sangka ini yang beliau karangkan

10 kaedah memuat turun buku teks digital, pelajar boleh praktikkannya



Facebook Twitter WhatsApp Email More


*www.gpsbestari.com tidak bertanggungjawab di atas setiap pandangan dan pendapat yang diutarakan melalui laman sosial ini. Ia adalah pandangan peribadi pemilik akaun dan tidak semestinya menggambarkan pandangan dan pendirian kami.*


**0 Comments** Sort by **Newest**

Add a comment...

Facebook Comments Plugin


## ARTIKEL BERKAITAN



5 tip yang perlu guru-guru hadam berkaitan inovasi, ini maklumat yang dikongsi Cikgu Siti Zubaidah



Tidak pernah berhenti kongsi kata-kata motivasi, usaha guru besar ini wajar dijadikan contoh!



Cikgu Norhailmi dan Cikgu Ahmad Adham, hasilkan PdPR di TikTok



Kerana 7 peralatan ini, kelas online Cikgu Mohamad Hakim dapat perhatian ramai. Teruja



Penyelidik UMT hasilkan roti lebah daripada lebah kelulut, raih geran RM120,000



Calon SPM 2020 usah berdebar, ini koleksi kata-kata semangat buat anda

DISYORKAN

Belajar tapi masih gagal, Cikgu Ropizam kongsi 9 rahsia tersembunyi pelajar cemerlang

Cabaran guru hari ini lebih hebat, Cikgu Nasir mohon ibu bapa beri peluang kepada pendidik

Koleksi topik target Sejarah SPM 2020, Cikgu Samsuri mohon calon hadamkan!

**Pam min RM50 untuk dapatkan 4X Mata Ganjaran**
Shell Malaysia | Sponsored

**Ambil 1 Cawan Ini (Sebelum Tidur) & Buang Lemak Perut Anda**
Keto Diet | Sponsored

**Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!**
ketoslim | Sponsored

**Senang hati pam di Shell dapat Ekstra Ganjaran**
Shell Malaysia | Sponsored

**1 cawan sebelum tidur dan kehilangan 20 kg tanpa diet**
Jepun Shinyako Enzyme | Sponsored

**Hentikan kesakitan di seluruh badan!**
BERITA & SAINS MALAYSIA | Sponsored

**Dapat Ekstra mata ganjaran dengan BonusLink**
Shell Malaysia | Sponsored

**Kesakitan pada sendi anda akan hilang selamanya**
PERSATUAN KESIHATAN MASYARAKAT | Sponsored

**The Baking Soda Trick Everyone Needs To Hear**
Cleverst | Sponsored

**Bolehkah Sol Kasut Membantu Mencegah Sakit Sendi dan Artritis? Baca!**
Magnesteps - Pain Relief Insoles | Sponsored

**Belajar tapi masih gagal, Cikgu Ropizam kongsi 9 rahsia tersembunyi pelajar cemerlang**

**Cabaran guru hari ini lebih hebat, Cikgu Nasir mohon ibu bapa beri peluang kepada pendidik**

GPS Bestari

**1 Cara mengecilkan perut buncit secara mudah & alami**

Shinyakoso Enzyme | Sponsored

**Thanks to This Ingenious Trick With Boiling Water You Can Do This for Your Car**

Tips and Tricks | Sponsored

**This Nano Technology Monoscope Allows 300 Times Zoom and 4K Quality**

Elite Gadget Insider | Sponsored

**Diet Enzyme membuat saya menurunkan berat badan dengan cepat**

Japan Shinyakoso | Sponsored



Team Editorial
Meen Tahrin | meen.tahrin@sinarharian.com.my
Wan Normi Hasan | 0192802080 | wan.normi@gpsbestari.com
Sarina Mohd Som | 0189688178 | sarina.matsom@karangkraf.com
Roshlawaty Raieh | 0136236716 | roshlawaty@sinarharian.com.my
Siti Noor Faezah Muda | 0102318009 | noor.faezah@gpsbestari.com
Team Digital
Mohd Khafiz Md Yunus | khafizyunus@gmail.com
Fatin Syazwani Mohammed Hanif | fatinsyazwani.hanif@gmail.com
gpsbestari@karangkraf.com

© 2016 All Rights Reserved • GPS Bestari
© 2016 Hakcipta Terpelihara • GPS Bestari